

31/05/2001

Ahli Pemuda 3.5 juta akhir tahun

Zulkofli Jamaludin; Khairul Anwar Rahmat

KUALA LUMPUR, Rabu - Ahli Pergerakan Pemuda Umno akan mempunyai 3.5 juta ahli baru menjelang akhir tahun ini, sekiranya setiap ahli melaksanakan tugas diamanatkan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Exco Pemuda Umno, Zein Isma Ismail, berkata sekiranya setiap 700,000 ahli Pemuda Umno berjaya mendapat lima ahli baru, pergerakan itu akan mendapat 3.5 juta ahli baru menjelang akhir tahun ini.

"Justeru, usaha menarik ahli kini perlu ditingkatkan bagi membolehkan Umno menjadi parti unggul dan mendapat sokongan padu orang Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tiga tugas utama yang diberikan Dr Mahathir kepada Pemuda untuk mengukur iltizam perjuangan mereka terhadap parti.

Tiga tugas itu ialah setiap ahli Pemuda perlu mencari lima ahli baru, mendaftar ahli yang cukup umur sebagai pemilih pilihan raya dan menyiapkan bilik gerakan di setiap cawangan.

Sehubungan itu, Zein Isma berkata, ahli perlu menubuhkan bilik gerakan bagi mencari ahli baru, terutama di kalangan lepasan sekolah.

"Bilik gerakan dapat memudahkan Pemuda Umno cawangan menganjurkan kegiatan dengan lebih tersusun, mempamerkan carta keahlian dan pendaftaran ahli sebagai pemilih," katanya.

Exco Pemuda, Wan Mohamad Khairil Wan Ahmad, berkata Pemuda perlu menganjurkan kegiatan yang mampu menarik minat remaja mendekati parti dan mendaftar sebagai pemilih.

"Kita harus menyedarkan golongan muda setiap undi sangat berharga dalam menentukan kesinambungan perjuangan agama, bangsa dan negara", katanya sambil menambah, bilik gerakan cawangan perlu diwujudkan segera untuk membolehkan ahli berkumpul dan menganjurkan pelbagai kegiatan.

Beliau berkata, bilik gerakan itu tidak memerlukan bangunan dan peralatan canggih.

"Mungkin penambahan bangunan di kedai kopi dan rumah perseorangan boleh merealisasikan cadangan ini. Yang penting, setiap bilik gerakan dilengkapi daftar keahlian terkini supaya setiap kegiatan bermanfaat dapat dijalankan dengan lebih berkesan," katanya.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanah Merah, Ikmal Hisham Abd Aziz, berkata saranan Dr Mahathir sangat relevan untuk meningkatkan semangat perjuangan ahli pergerakan berkenaan.

"Ada antara cadangan Presiden sedang kita laksanakan secara khusus iaitu memastikan setiap ahli mendaftar sebagai pengundi.

"Insya-Allah, kita akan melaksanakan sebaik mungkin setiap cadangan Presiden kerana ia untuk kebaikan parti dan orang Melayu seluruhnya," katanya yang akan mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa Pemuda bahagian untuk membincangkan cadangan Dr Mahathir itu.

Pengerusi Biro Briged Putera Pemuda Umno, Azman Shah Omar Shah, berkata Pemuda harus bertindak mengikut suasana dan situasi semasa supaya agenda peringkat akar umbi dan nasional dapat dicapai.

Katanya, bilik gerakan Pemuda perlu digerakkan untuk menjalankan kegiatan kemasyarakatan.

"Tidak ada gunanya kita mengatakan Pemuda mempunyai semangat perjuangan berkobar-kobar jika ia tidak dimanifestasikan melalui tindakan seperti yang disebut Presiden parti," katanya. Timbalan Pengerusi Pendidikan Pemuda Umno, Mohd Norza Zakaria, berkata tanggungjawab mewujudkan bilik

gerakan ialah tugas pemimpin setempat.

"Jika bilik gerakan tidak berfungsi, masyarakat mengalami kesukaran mendekati pemimpin untuk menyuarakan rintihan dan masalah mereka.

"Kesannya, pemimpin Umno tidak akan dilihat sebagai perantara antara rakyat dan kerajaan dan akhirnya menghilangkan kepercayaan terhadap parti," katanya.

(END)